


KERAJAAN MALAYSIA



untuk kegunaan pejabat

KOD
PENYEBUTHARGA



AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

DOKUMEN SEBUT HARGA 'B'

UNTUK

PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANGAN STOR BAGI
KEGUNAAN DI AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN, 464,
JALAN TUN ISMAIL, 50480 KUALA LUMPUR, KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA.

NO. SEBUT HARGA : PT/MOTAC/ASWARA/M/20/2021

TARIKH DIBUKA : 26 NOVEMBER 2021 @ JUMAAT

TARIKH TUTUP : 2 DISEMBER 2021 @ KHAMIS
12.00 TENGAHARI

DIKELUARKAN OLEH:



REKTOR
AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN
B.P. KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

**SENARAI SEMAKAN DOKUMEN SEBUT HARGA 'B'
(BEKALAN/ PERKHIDMATAN /KERJA)**

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Penilai Sebut Harga 'B'
*1	Lampiran Q (Arahan Perbendaharaan 170) (Bekalan/Perkhidmatan) – dalam bidang berkenaan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
*2	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) – dalam bidang berkenaan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
*3	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) – Jika Ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Surat Akuan Pembida & Surat Perwakilan Kuasa (PT/MOTAC/ASWARA/M/20/2021)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Lain-lain Sekiranya ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga 'B'. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh :</p>	<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga B mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.(jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh :</p>
---	---

* Perlu dilampirkan

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 'B'
AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (ASWARA)

1. Tawaran Sebut Harga 'B' adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini. Syarikat hendaklah berdaftar dan mempunyai sijil **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang 020603 dan 020604** adalah dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan/perkhidmatan yang berikut:

**PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANGAN STOR BAGI KEGUNAAN DI
AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN, 464, JALAN TUN ISMAIL, 50480
KUALA LUMPUR, KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA.
(NO SEBUT HARGA 'B' : PT/MOTAC/ASWARA/M/18/2021)**

** Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan, disebut **ASWARA** dengan kata mudah.*

2. Penyebutharga yang layak dan berminat boleh mendapatkan secara percuma dokumen Sebut Harga 'B' di laman web rasmi Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) – aswara.edu.my.
3. Tawaran Sebut Harga 'B' ini dibuka pada **26 November 2021 @ Jumaat** dan akan **ditutup pada 2 Disember 2021 @ Khamis**, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari di **Pejabat Bendahari, Blok 1, Aras 2, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) 464 Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur** atau melalui emel kepada shafeeq@aswara.edu.my dan norsyazwani@aswara.edu.my sebelum pukul **12.00 tengah hari pada 2 Disember 2021 @ Khamis**. **Tawaran yang lewat TIDAK AKAN diterima dan dipertimbangkan.**
4. ASWARA tidak tertakluk untuk menerima mana – mana tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa – apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini. ASWARA berhak untuk membatalkan, menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA**1. HAK ASWARA UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA 'B'**

ASWARA tidak terikat untuk menerima mana – mana Sebut Harga 'B' yang terendah dan memberi apa – apa sebab di atas penolakan dan penerimaan sesuatu Sebut Harga 'B'. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) ASWARA adalah muktamad.

2. CARA – CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA 'B'**PENTING**

Penyebutharga hendaklah membaca arahan – arahan dan syarat – syarat dalam dokumen Sebut Harga 'B' serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga 'B' dengan teliti sebelum mengisi borang Sebut Harga 'B'. Penyebutharga hendaklah menggunakan borang asal sahaja.

2.1 Penyediaan Sebut Harga 'B'

Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi segala maklumat yang berikut dengan lengkap dan sepenuhnya:

- a) Harga, tempoh siap kerja dan tandatangan penyebutharga di Lampiran Q (Kew. 284- Pin. 5/94). Borang – borang tersebut hendaklah ditaip atau ditulis dengan terang, jelas dan boleh dibaca.
- b) Penyebutharga perlulah menyertakan salinan Sijil Kementerian Kewangan beserta kod bidang yang diperlukan
- c) Jadual Kadar Harga (jika ada).
- d) Butir – butir spesifikasi bahan yang digunakan (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat di atas, pihak penyebutharga hendaklah menandatangani ringkas disemua tempat pembetulan tersebut.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga 'B'

- a) Dokumen Sebut Harga 'B' yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan Nombor dan Tajuk Sebut Harga 'B' serta hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga 'B' pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Tawaran Sebut Harga 'B' ataupun Dokumen Sebut Harga 'B' yang telah diisi dengan lengkap hendaklah diemel kembali dalam format PDF kepada Urusetia Perolehan melalui emel shafeeq@aswara.edu.my dan norsyazwani@aswara.edu.my.
- b) Jika penyebutharga menghantar Dokumen Sebut Harga 'B' dengan menggunakan khidmat pos, penyebutharga hendaklah bertanggungjawab memastikan dokumen tersebut tiba pada tempat dan tarikh serta masa yang telah ditetapkan dalam Kenyataan Tawaran Sebut Harga 'B'.

- c) Sebut Harga 'B' yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga 'B' yang tidak jelas, pihak penyebutharga boleh menghubungi **Puan Yus Adlin Ramli, Bahagian Khidmat Pengurusan** di talian **03-2778 5945** atau alamat emel : **yus@aswara.edu.my** untuk keterangan lebih lanjut.

3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA 'B'

Segala perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga 'B' ini dan yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh pihak penyebutharga.

4. TEMPOH SAH SEBUT HARGA 'B'

Tempoh sah laku Sebut Harga 'B' ini adalah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup Sebut Harga 'B', penyebutharga tidak boleh menarik balik tawaran Sebut Harga 'B' sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga 'B'. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebutharga menarik balik Sebut Harga 'B' sebelum tamat tempoh sah laku Sebut Harga 'B'.

5. CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST)

- 5.1 Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran SST dan mengemukakan nombor pendaftaran SST (sekiranya telah berdaftar) kepada ASWARA.
- 5.2 Perolehan bekalan barangan selain kereta import dan petroleum (RON 97) oleh Kerajaan adalah diberi pelepasan ke atas kenan SST. Pelepasan daripada kenan SST ini akan dibuat dengan pengeluaran Certificate of SST Relief (CoGSTR) oleh Kerajaan.

6. HARGA TAWARAN

- 6.1 Penyebutharga hendaklah membuat tawaran harga dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Harga yang ditawarkan di Lampiran Q – (Arahan Perbendaharaan 170) (Bekalan/ Perkhidmatan) adalah termasuk semua kos yang bersangkutan dengan perkhidmatan/bekalan yang ditawarkan.
- 6.2 Tawaran harga oleh penyebutharga hendaklah dikemukakan **TANPA** kenan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).
- 6.3 Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga 'B' ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga 'B' ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku Sebut Harga 'B'. Harga yang ditawarkan oleh penyebutharga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa perkhidmatan/bekalan berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

7. PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan Dokumen Sebut Harga 'B' boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah, media elektronik atau alat pengiklanan / media massa kecuali telah mendapat kelulusan daripada ASWARA terlebih dahulu.

8. TAFSIRAN

Sebut Harga 'B' ini dan apa – apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang – undang Malaysia dan penyebutarga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa – apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga 'B' ini atau apa – apa kontrak yang timbul daripadanya.

9. HAK MENERIMA ATAU MENOLAK

- 9.1 ASWARA berhak menerima atau menolak mana – mana Sebut Harga 'B' dan membatalkan proses tawaran dan menolak semua penyebutarga pada bila-bila masa sebelum Sebut Harga 'B' diberikan tanpa melibatkan apa – apa tanggungan kepada penyebutarga yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak ASWARA untuk memaklumkan sebab – sebab demikian kepada penyebutarga yang terlibat.
- 9.2 Pihak ASWARA adalah berhak mempersetujui tawaran penyebutarga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan dalam spesifikasi.
- 9.3 Pihak ASWARA tidak terikat untuk menerima tawaran penyebutarga yang terendah sekali atau mana – mana penyebutarga jua pun. Keputusan ASWARA adalah muktamad dan ASWARA tidak diperlukan untuk memberi sebab penolakan mana – mana penyebutarga.

10. SURAT SETUJU TERIMA

Surat Setuju Terima (SST) akan dihantar oleh ASWARA kepada penyebutarga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebutarga ke atas Surat Setuju Terima Sebut Harga itu akan dianggap sebagai kontrak yang mengikat di antara ASWARA dan penyebutarga tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

11. PESANAN KERAJAAN

ASWARA akan memberi notis bertulis dalam bentuk Pesanan Kerajaan kepada penyebutarga yang berjaya apabila Sebut Harga 'B' dipersetujui dalam tempoh sahlaku Sebut Harga 'B'.

12. PEMBATALAN PESANAN KERAJAAN

ASWARA mempunyai hak untuk membatalkan Pesanan Kerajaan pada bila – bila masa apabila penyebutharga yang berjaya gagal memenuhi obligasi Sebut Harga 'B' mengikut perjanjian.

13. PEMBETULAN KESALAHAN

13.1 Sebarang pindaan atau pembatalan dalam Sebut Harga 'B' oleh penyebutharga selepas dokumen Sebut Harga 'B' dihantar adalah tidak dibenarkan sama sekali.

13.2 Jika terdapat apa – apa perbezaan dalam pengiraan di dalam Sebut Harga 'B' ianya akan dibetulkan oleh ASWARA seperti berikut:-

- a) Jika terdapat perbezaan diantara jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, jumlah dalam bentuk perkataan akan diambilkira.
- b) Jika terdapat perbezaan diantara kadar unit dan jumlah yang didapati daripada pendaraban kadar unit dan bilangan, kadar unit yang dicatitkan akan diambilkira.
- c) Jumlah yang dinyatakan di atas Sebut Harga 'B' akan diubah oleh ASWARA mengikut prosidur di atas bagi pembetulan kesalahan dan penyebutharga adalah terikat atas perubahan ini.

14. HAK MILIK DAN DELIVERABLES

14.1 Semua laporan dan deliverables adalah hak milik ASWARA dan tidak boleh ditiru dan disalin dalam apa – apa bentuk media untuk pihak lain tanpa kebenaran ASWARA.

14.2 Penyebutharga yang berjaya hendaklah memastikan supaya semua perkhidmatan/bekalan disempurnakan pada tarikh atau dalam tempoh yang telah ditetapkan.

15. RASUAH

15.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

15.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 15.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 15.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

16. PELAKSANAAN INTEGRITY PACT

Penyebutharga yang menghantar dokumen Sebut Harga 'B' hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan projek. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di Lampiran 1 dan Surat Perwakilan Kuasa adalah seperti di Lampiran 2.

17. PERTANYAAN

Penyebutharga yang memerlukan sebarang penjelasan mengenai dokumen Sebut Harga 'B' boleh merujuk kepada:

Nama	i. Mohd Shafeeq Mat Nasir ii. Norsyazwani Mohamed Rashid
Alamat	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia 464, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur
Telefon	03-2778 5919/5912
Faks	03-2778 5903
E-mel	shafeeq@aswara.edu.my norsyazwani@aswara.edu.my

18. PERINGATAN

Penyebutharga hendaklah memastikan maklumat yang dikemukakan adalah lengkap. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat akan menyebabkan cadangan tawaran Sebut Harga 'B' tersebut tidak akan dipertimbangkan

SULIT

Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
PT/MOTAC/ASWARA/M/20/2021

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
(Kew. 284-Pin. 5/94)

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga: **PT/MOTAC/ASWARA/M/20/2021**

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga 'B'.

Kepada (Nama Syarikat)

.....
.....
.....

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:

.....

Kod bidang pendaftaran yang relevan
dengan pembelian ini ialah:**Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam
kod bidang 020603 dan 020604**

Pelawaan Sebut Harga 'B' dikeluarkan oleh:

**Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
Kementerian pelancongan, seni dan budaya
Malaysia
464, Jalan Tun Ismail,
50480 Kuala Lumpur
No. Telefon: 03-2778 5999
No. Faks : 03-2778 5903**Tarikh: **26 November 2021**Tempat penyerahan Sebut Harga 'B' :
**Pejabat Bendahari
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
Blok 1, Aras 2, 464, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur ,atau
Serahan Dokumen Sebut Harga 'B' secara emel.**

1. Sila beri Sebut Harga 'B' untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan: _____ **seperti penentuan**
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan : _____ **seperti penentuan**
 - 1.3. Arahan pengiriman: _____ **seperti penentuan**
 - 1.4. Sebut Harga 'B' hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor **No. Sebut Harga 'B': PT/MOTAC/ASWARA/M/20/2021**
 - 1.5. Sebut Harga 'B' hendaklah diserahkan kepada pihak yang berkenaan seperti di alamat di atas tidak lewat pada **jam 12.00 tengahari pada 2 Disember 2021 @ Khamis.**
 - 1.6. Tempoh sah laku Sebut Harga 'B' adalah **sembilan puluh (90) hari selepas** tarikh tutup.

Tarikh: **2 Disember 2021**

Tandatangan :

Nama Pegawai:
Jawatan:

Bil.	Perihal bekalan/ perkhidmatan dan Syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
1.	Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Barangan Stor bagi Kegunaan di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, 464, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. (PT/MOTAC/ASWARA/M/20/2021) * (Penyebutharga dikehendaki menyerahkan salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) kepada ASWARA)				
JUMLAH					

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih (*tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)*); dan

(ii) Tempoh siap kerja/perkhidmatan ialah

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebutharga

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

.....

.....

Tarikh :

Mustahak – Lihat Syarat – Syarat Am (untuk Bekalan sahaja)
SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA 'B' SEBAHAGIAN

Sebut Harga 'B' boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut Harga 'B' boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) ASWARA tidak terikat untuk setuju terima Sebut Harga 'B' yang terendah atau mana-mana Sebut Harga 'B'; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu Sebut Harga 'B' yang berasingan

6. PEMERIKSAAN

- (i) ASWARA sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam **pelawaan ini**.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui Sebut Harga 'B' nya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada ASWARA segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak ASWARA untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kecuali telah mendapat kelulusan daripada ASWARA terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut Harga 'B' ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga 'B' ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG
KELUARAN MALAYSIA****12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATA WANG**

Sebut Harga 'B' hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

Spesifikasi barangan/ perkhidmatan ini adalah:

BIL	JENIS BARANG DAN PERKHIDMATAN	KUANTITI	HARGA (RM)	
			SEUNIT	JUMLAH
Sebut Harga 'B' Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Barangan Stor bagi Kegunaan di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, 464, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.				
1	Air Mineral Spritzer 350ml	20 Kotak		
2	Artline 210 (Medium) - Hitam	60 Batang (5 Kotak)		
3	Rechargeable Bateri (eneloop Pro) Panasonic Kegunaan Teknikal dan Jurufoto ASWARA	8 Set`		
4	Bateri Eneloop Pro Panasonic (Bateri Sahaja) Kegunaan Teknikal dan Jurufoto ASWARA	10 pcs		
5	Bateri AAA – Kegunaan Bersama	2 kotak		
6	Bateri AA – Kegunaan Bersama	2 kotak		
7	Binder Clip 19mm	30 Kotak		
8	Binder Clip 25mm	30 Kotak		
9	Binder Clip 41mm	30 Kotak		
10	Binder Clip 51mm	20 Kotak		
11	Binding Cover Plastik A4	10		
12	Double Sided Tape – 12mm	4 Kotak		
13	Double Sided Tape – 18mm	4 Kotak		
14	Double Sided Tape – 24mm	4 Kotak		
15	Dukomen Tray 3 Tier	15 pcs		
16	File 2D Rings – 25mm	200 pcs		
17	File 2D Rings – 40mm	100 pcs		
18	File 2D Rings – 50mm	100 pcs		
19	File 2D Rings – 65mm	50 pcs		
20	Frame A3	30 pcs		
21	Frame A4	50 pcs		
22	Gunting	20 pcs		
23	Kalkulator	10 pcs		

BIL	JENIS BARANG DAN PERKHIDMATAN	KUANTITI	HARGA (RM)	
			SEUNIT	JUMLAH
24	Kertas A4 hijau (CS130)	15 rim		
25	Kertas A4 Kuning (CS160)	15 rim		
26	Kertas A4 Pink (CS170)	15 rim		
27	Kertas A4 Biru Gelap (CS220)	15 rim		
28	Kertas A4 Biru Muda (CS120)	10 rim		
29	Kertas Sijil (Ivory)	20 rim		
30	Klip Kertas (NOTR-No.25)	30 kotak		
31	Klip Kertas (NOTR-No.31)	30 kotak		
32	Klip Kertas (NOTR-No.50)	30 kotak		
33	Klip Kertas (NOTR-No.78)	30 kotak		
34	U Shape Folder (Clear)	500 pcs		
35	Loytape Kecil	3 Kotak		
36	Loytape Besar	3 Kotak		
37	Management File	720 pcs		
38	Pilot G.2 (0.7) – Hitam	5 Kotak		
39	Pilot G.2 (0.7) – Biru	3 Kotak		
40	Pilot G.2 (0.7) – Merah	3 Kotak		
41	Pilot G.2 (1.0) – Hitam	5 Kotak		
42	Pilot G.2 (1.0) – Biru	3 Kotak		
43	Pilot G.2 (1.0) – Merah	3 Kotak		
44	Pisau Kecil	10 pcs		
45	Pocket File	300 pcs		
46	Post –It Note 3M	60 pcs		
47	Post It Scripti Point Film (10 Colours)	15 pcs		
48	Rubber Door Wedges Kecil	12 pcs		
49	Textliner Faber Castle – Purple	2 kotak		
50	Textliner Faber Castle – Yellow	2 kotak		
51	Textliner Faber Castle – Green	2 kotak		

BIL	JENIS BARANG DAN PERKHIDMATAN	KUANTITI	HARGA (RM)	
			SEUNIT	JUMLAH
52	Textliner Faber Castle – Oren	2 kotak		
53	Textliner Faber Castle – Biru	2 kotak		
54	Storage Box Beroda (660X440X345)	50 pcs		
55	Sampul Kecil (Sulit AM436)	1000 kpg		
56	Sampul Kecil (AM435)	1000 kpg		
57	Kertas Minit (AM6)	1000 kpg		
Peralatan Cuci Kenderaan ASWARA				
58	Baldi	4 pcs		
59	Sabun Basuh	7 botol		
60	Kain Pengelap Kenderaan (Kain Tuala)	14 helai		
61	Span	14 unit		
62	Berus Sabut	7		
63	Getah Paip	4 gulung		
64	Water Jack	2		
65	Pengilat Kenderaan	14		
66	Vacum Kenderaan	3		
67	Vacum Biasa	3		
68	Berus Basuh Bas/Lori	2		

*** Spesifikasi di atas perlu diolah semula dan dimasukkan ke dalam Quotation / Sebut Harga (letterhead Syarikat) beserta harga tawaran**

LAMPIRAN 1

SURAT AKUAN PEMBIDA

**BAGI
PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANGAN STOR BAGI
KEGUNAAN DI AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN, 464,
JALAN TUN ISMAIL, 50480 KUALA LUMPUR, KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA. (NO. SEBUT HARGA :
PT/MOTAC/ASWARA/M/20/2021)**

Saya, _____ no K.P _____ yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender /sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: i) * Potong mana yang tidak berkenaan

LAMPIRAN 2

SURAT PERWAKILAN KUASA

Rektor

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
Blok 1, Aras 3
464, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

Tarikh:

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya, no. Kad Pengenalan; selaku pemilik syarikat akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan dengan urusan sebut harga **Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Barangan Stor bagi Kegunaan di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, 464, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (PT/MOTAC/ASWARA/M/20/2021)** atau mewakilkan kuasa untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu*:

Nama :
Alamat :
.....
Jawatan :
No. Kad Pengenalan :
No Telefon :
No Faks :
Emel :

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman/ rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak tuan sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
Tandatangan Penyebutharga / Wakil

Nama:

Jawatan:

Cop Syarikat:

SULIT

Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
PT/MOTAC/ASWARA/M/20/2021

** potong yang mana tidak berkenaan.*